BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pen: 05/02/33 (BN)

Embargo: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1800 pada hari Rabu, 22 Mei 2002.

PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN MALAYSIA PADA SUKU PERTAMA TAHUN 2002

Pemulihan ekonomi telah bermula

Keadaan ekonomi bertambah baik pada suku pertama tahun 2002. Ekonomi Malaysia meningkat sebanyak 1.1% pada suku pertama tahun 2002 (S4 2001 : -0.5%). Pertumbuhan KDNK adalah didorong terutamanya oleh perbelanjaan penggunaan yang kukuh dan disokong oleh pemulihan permintaan luaran berikutan pemulihan umum di dalam ekonomi global secara umumnya. Mencerminkan kesan kumulatif dasar monetari dan fiskal yang mengembang dan pemulihan dalam eksport, penggunaan swasta yang merangkumi hampir separuh daripada KDNK telah meningkat sebanyak 2.5%. Penggunaan awam terus mencatatkan peningkatan yang kukuh sebanyak 13.4%, mencerminkan pelaksanaan dasar ransangan fiskal pada suku tersebut, termasuk pelarasan gaji sebanyak 10% untuk kakitangan sektor awam dan perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan yang lebih tinggi.

Dengan lebihan kapasiti masih wujud, pemulihan pembentukan modal tetap kasar dijangka hanya akan berlaku pada separuh kedua tahun 2002.

2. Peningkatan permintaan eksport di dalam industri elektronik dan prestasi keseluruhan eksport Malaysia yang bertambah baik telah membantu eksport mencatatkan pertumbuhan yang positif sebanyak 4% pada bulan Mac 2002, iaitu pertumbuhan positif yang pertama dalam tempoh setahun. Pemulihan dalam industri elektronik ini telah menyederhanakan tahap penurunan dalam eksport bagi suku pertama tahun 2002. Begitu juga, import mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 0.5%, buat kali pertamanya sejak bulan Mac 2001, terutamanya untuk memenuhi permintaan yang lebih tinggi bagi input pengantaraan barangan perkilangan.

..... Sektor perkhidmatan kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan

3. Penggunaan sektor swasta yang berterusan dan sentimen pengguna yang menggalakkan telah mendorong pertumbuhan dalam sektor perkhidmatan sebanyak 4.6%. Subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan berkembang sebanyak 8.8% (S4 2001: 12.5%) mencerminkan pungutan premium insurans dan berian pinjaman bank yang lebih tinggi serta peningkatan aktiviti di pasaran saham. Subsektor pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh, disokong oleh pengembangan dalam aktiviti pemunggahan dan prestasi kukuh dalam industri telekomunikasi. Sejajar dengan permintaan yang lebih tinggi daripada sektor perkilangan, pergembangan yang berterusan juga dapat dilihat di dalam subsektor utiliti. Secara keseluruhan, peningkatan

aktiviti ekonomi menghasilkan pertumbuhan yang berterusan di dalam subsektor perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel.

4. Nilai ditambah dalam sektor perkilangan mencatatkan penurunan yang lebih kecil (–2.1%; S4 2001: -8.4%) berikutan keadaan luar negeri yang bertambah baik dan penggunaan domestik yang berterusan. Pengeluaran industri berorientasikan pasaran dalam negeri sebagai satu kumpulan terus berkembang sebanyak 2.2% pada suku ini. Industri-industri yang mengeluarkan kelengkapan pengangkutan dan keluaran makanan terus mencatatkan peningkatan dua angka, masing-masing sebanyak 17.5% dan 11.9%. Mencerminkan penyelarasan inventori yang pesat dalam industri elektronik di dunia dan juga dalam negeri, pengeluaran industri berorientasikan eksport sebagai satu kumpulan menurun dengan lebih sederhana sebanyak 5.5% (S4 2001: –15.3%). Perkembangan ini adalah selaras dengan penurunan yang lebih kecil dalam eksport barangan perkilangan pada suku ini (–4%; S4 2001: –12.4%). Terutamanya, eksport barangan elektronik telah pulih dan meningkat sebanyak 1.1%. Dengan pengeluar-pengeluar meningkatkan pengeluaran untuk memenuhi tempahan yang lebih tinggi dan menggantikan stok yang telah berkurangan, penurunan dalam pengeluaran telah menjadi stabil pada suku ini
(–0.6%; S4 2001: –23.8%). Penunjuk seterusnya kepada prestasi baik ini ialah kadar kapasiti penggunaan sektor perkilangan, yang meningkat daripada 78% pada suku keempat tahun 2001 kepada 80% pada akhir suku pertama ini.

5. Dalam sektor pembinaan, pertumbuhan adalah lebih tinggi pada 2.9% disokong oleh program rangsangan fiskal serta keadaan kadar faedah yang rendah. Nilai ditambah sektor perlombongan merosot sebanyak 0.8% pada suku pertama tahun 2002 berikutan kejatuhan dalam pengeluaran gas asli. Sektor pertanian pula menguncup disebabkan terutamanya oleh faktor bekalan dan sebahagian kecilnya oleh permintaan luar negeri yang lebih rendah. Pengeluaran minyak sawit mentah merosot sebanyak 8.4% disebabkan oleh hasil yang lebih rendah akibat kitaran hasil biologikal yang menurun bagi pokok kelapa sawit. Sementara import minyak sawit dari Republik Rakyat China meningkat sejajar dengan kuota import minyak sawitnya yang lebih tinggi bagi tahun 2002, import dari India dan Kesatuan Eropah pula lebih rendah disebabkan oleh bekalan dalam negeri yang meningkat. Harga minyak sawit dan minyak mentah kekal kukuh berbanding suku keempat tahun 2001, didorong terutamanya oleh bekalan sedunia yang lebih rendah.

Pemulihan dengan inflasi yang rendah dan kedudukan luaran yang kukuh

6. Inflasi kekal rendah dengan Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat pada kadar 1.4%. Pada bulan Mac, inflasi meningkat sedikit, disebabkan terutamanya oleh pelarasan harga bagi bayaran perkhidmatan telefon. Tidak termasuk bayaran telefon tersebut, inflasi adalah lebih rendah pada 1.1%.

7. Malaysia terus beroperasi di dalam gunatenaga penuh. Bilangan pekerja yang diberhentikan kerja adalah sebanyak 10,083 orang pada suku pertama, dengan pemberhentian kerja terutamanya di syarikat-syarikat perkilangan bersaiz sederhana yang mengeluarkan barangan elektronik dan elektrik pada penghujung rantaian nilai secara kontrak bagi syarikat-syarikat yang lebih besar. Sebagai mencerminkan jangkaan pengguna terhadap keadaan pasaran kerja yang lebih baik, Indeks Guna Tenaga oleh Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia meningkat sebanyak 20.2 mata kepada 106.3 mata daripada 86.1 mata pada suku keempat tahun 2001.

8. Kedudukan luaran Malaysia menjadi lebih kukuh dalam suku pertama. Lebihan akaun perdagangan adalah lebih besar, sebanyak RM13.3 bilion (S4 2001: RM12.8 bilion). Pada suku pertama tahun 2002, terdapat pengaliran dana pelaburan yang berterusan. Dalam keadaan pemulihan ekonomi global yang perlahan serta lebihan kapasiti yang berterusan, aliran masuk kasar pelaburan langsung asing menyederhana kepada RM2.5 bilion pada suku tahun pertama 2002. Pelaburan tersebut adalah dari sektor perkilangan dan perkhidmatan. Dari segi aliran bersih, pelaburan langsung asing merekodkan aliran keluar sebanyak RM0.3 bilion akibat pembayaran semula pinjaman serta pengurangan di dalam bahagian modal sebuah bank milikan asing di Malaysia akibat aktiviti penggabungan di negara asal. Sebaliknya, pelaburan portfolio bertukar arah untuk mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak RM3.2 bilion, berikutan prospek ekonomi yang bertambah baik. Beberapa agensi penarafan antarabangsa telah menaikkan prospek penarafan Malaysia daripada kedudukan stabil kepada positif.

9. Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia meningkat lagi kepada RM124.5 bilion (AS$32.8 bilion) pada 15 Mei 2002, memadai untuk membiayai kira-kira 5.5 bulan import tertangguh dan adalah 5 kali hutang luar negeri jangka pendek.

10. Kedudukan hutang luar negeri Malaysia berjumlah sebanyak RM175.6 bilion (AS$46.2 bilion) pada akhir bulan Mac, merangkumi sebanyak 57.2% daripada KNK. Keperluan pembiayaan Kerajaan Persekutuan adalah dibiayai terutamanya oleh sumber-sumber domestik yang tidak merangsang inflasi. Bagaimanapun, bagi mengambil kesempatan daripada keadaan pasaran yang memberangsangkan, Kerajaan Persekutuan telah membuka semula Nota bernilai AS$1 bilion dengan kadar kupon sebanyak 7.5% yang matang pada tahun 2011 dengan nilai tambahan sebanyak AS$750 juta pada bulan Mac 2002. Tebaran kadar faedah sekuriti penanda aras Malaysia telah menurun. Tebaran bagi Nota Malaysia yang matang pada tahun 2009 menurun kepada 108 mata asas, manakala tebaran bagi Nota yang matang pada tahun 2011 menurun kepada 149 mata asas pada penghujung bulan April. Hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan masih merangkumi bahagian yang kecil (15.4%) daripada jumlah hutang luar negeri. Jumlah hutang jangka pendek juga berada pada tahap yang rendah, iaitu 15.3% daripada jumlah hutang luar negeri.

....Pertumbuhan kukuh di dalam perolehan hasil

11. Sementara operasi belanjawan Kerajaan terus menyokong pertumbuhan ekonomi, difisit fiskal pada suku pertama adalah lebih rendah

pada RM1.3 bilion, disebabkan oleh pertumbuhan hasil yang kukuh. Pemulihan di dalam aktiviti ekonomi dan kutipan cukai yang lebih cekap telah menyumbang kepada perolehan hasil yang lebih tinggi.

….Penunjuk sektor perbankan menggalakkan

12. Kedudukan sistem perbankan tetap kukuh di sepanjang suku tahun pertama. Nisbah modal kekal memberangsangkan dengan RWCR dikekalkan pada 12.5% dan nisbah modal teras pada 10.6%. Nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih sistem perbankan pula kekal tidak berubah pada tahap 8.2%. Pencapaian ini adalah hasil usaha penstrukturan semula beberapa pinjaman besar oleh institusi perbankan di samping peningkatan dalam jumlah peruntukan khas. Peruntukan khas yang lebih tinggi ini telah menyumbang kepada tahap perlindungan kerugian pinjaman yang lebih tinggi iaitu 59.6% daripada jumlah NPL pada akhir suku tahun pertama 2002.

13. Danaharta telahpun menstruktur semula atau memberikan kelulusan untuk menstrukturkan semula hampir kesemua NPL yang berada di bawah pengurusannya. Suntikan modal oleh Danamodal di dalam sistem perbankan kekal pada RM2.1 bilion pada akhir bulan March 2002. Jawatankuasa Penyusunan Semula Korporat (CDRC) juga telah mencapai kemajuan yang menggalakkan pada suku tahun ini dan dijangka akan dapat menyelesaikan kesemua baki 8 kes menjelang bulan Julai 2002.

Keadaan monetari menyokong pemulihan ekonomi

14. Keadaan harga yang secara relatifnya stabil, bersama kestabilan pasaran kewangan telah menghasilkan persekitaran yang menggalakkan bagi

memantapkan aktiviti perniagaan dan keyakinan pengguna. Dengan risiko inflasi yang kekal rendah, dasar monetari kekal akomodatif pada suku pertama. Kadar faedah yang rendah telah memastikan mudah tunai yang lega untuk menyokong pemulihan ekonomi. Pada tempoh tersebut, aktiviti pinjaman terus mengembang dengan jumlah pinjaman yang belum dijelaskan yang disalurkan oleh sistem perbankan meningkat sebanyak RM5.7 bilion. Pada asas tahunan, pinjaman yang belum dijelaskan meningkat pada kadar 4.6% pada akhir bulan Mac 2002 (3.6% pada akhir Disember 2001). Walau bagaimanapun, pembiayaan keseluruhan melalui sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS) yang dijana oleh sektor swasta pada suku pertama menurun sedikit kepada RM4.3 bilion (suku keempat 2001:RM6.5 bilion) disebabkan oleh penebusan dan penukaran dalam bentuk ekuiti di dalam pasaran PDS. Pembiayaan melalui pasaran ekuiti adalah tinggi pada suku pertama. Keyakinan pelabur yang semakin baik telah menyaksikan kejayaan 13 lagi terbitan awam permulaan (IPO), berjumlah sebanyak RM353 juta di dalam sektor-sektor hartanah, industri dan teknologi.

Prospek jangka pendek kekal menggalakkan

15. Melihat kehadapan, prospek pertumbuhan menunjukkan pengukuhan dalam ekonomi Malaysia. Dari segi sektor luar negara, ekonomi negara-negara perindustrian utama secara amnya dan Amerika Syarikat khususnya, bertambah pulih. Kebanyakan penunjuk bagi ekonomi Amerika Syarikat kekal positif walaupun terdapat penurunan dalam beberapa data tertentu pada bulan April. Sektor perkilangan telah berkembang selama tiga bulan berturut-

turut, keyakinan pengguna mengukuh pada bulan Mei didokong oleh pertumbuhan pendapatan dan kesan positif daripada dasar yang dilaksanakan. Pertumbuhan produktiviti dan kesan positifnya serta perbelanjaan pengguna dijangka menyokong pemulihan dalam jangka masa sederhana. Inventori dan kesan dasar yang telah dilaksanakan dijangka terus memberi ransangan positif kepada pertumbuhan.

16. Di Eropah, terdapat tanda-tanda pemulihan sentimen dan pengeluaran hasil daripada peningkatan eksport. Ekonomi serantau juga telah menunjukkan tanda-tanda pemulihan memandangkan hubungan perdagangannya yang rapat.

17. Di dalam negeri, penunjuk memperlihatkan pertumbuhan yang terus didorong oleh penggunaan. Sementara penggunaan kapasiti telah meningkat, jangkaan awalan untuk pelaburan meningkat pada separuh kedua tahun 2002 adalah tidak berubah. Indeks pelopor, yang memberikan tanda awalan halatuju ekonomi, terus meningkat pada bulan Februari 2002. Pertumbuhan positif indeks tersebut bagi lapan bulan berturut-turut sejak Julai 2001 mencadangkan bahawa ekonomi Malaysia akan terus mengembang. Peningkatan keyakinan pengguna dan perniagaan juga dijangka mengukuhkan permintaan dalam negeri pada suku-suku yang akan datang. Indeks Sentimen Pengguna MIER bertambah sebanyak 10.6 mata kepada 104.4 mata pada suku pertama. Indeks Keadaan Perniagaan MIER bertambah sebanyak 9.6 mata. Yang pentingnya, untuk kali pertama sejak suku keempat tahun 2000, indeks tersebut melepasi paras ambang sebanyak 50 mata untuk mencatatkan 51.9 mata, menunjukkan bahawa pemulihan

adalah seperti yang dirancang. Keseluruhannya, peningkatan keadaan luaran dan pengekalan aktiviti-aktiviti dalam negeri dan kekukuhan asas ekonomi akan menyokong pemulihan ekonomi di Malaysia.

Bank Negara Malaysia
22 Mei 2002

ta 1 : Pemulihan ekonomi telah bermula ... KDNK benar meningkat sebanyak 1.1% pada S1 2002



Carta 2 : Penggunaan swasta terus berkembang ...



a 3 : Pengekalan perbelanjaan oleh kerajaan



Carta 4 : Sektor perkhidmatan - Pemacu utama pertumbuhan



Carta 5 : Pertumbuhan menyeluruh dalam sektor perkhidmatan



Bahagian kepada KDNK (2001)	4.0	8.4	15.2	13.4	7.2	7.7

Carta 6 : Pengeluaran dan eksport perkilangan terus bertambah baik pada S1 2002 ...



Carta 7 : Penggunaan kapasiti meningkat kepada 80%



Carta 8 : Sektor perlombongan – pengeluaran gas asli lebih rendah



Carta 9 : Sektor pertanian – pengeluaran minyak sawit mentah lebih rendah



Carta 10 : Lebihan dagangan kekal besar



Carta 11 : Aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) di Malaysia mencerminkan terutamanya ...

- Pengembangan pelaburan sedia ada dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan
- Walaupun negara China telah menarik aliran masuk yang kukuh, syarikat-syarikat multi nasional terus mencari lokasi pelaburan yang lain ("*China Plus*" *investment strategy*)
- Malaysia menyediakan peluang pelaburan dalam beberapa bidang tertentu
- Oleh yang demikian, langkah-langkah bagi menempatkan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang menarik diteruskan dengan menyediakan suasana perniagaan yang berdaya saing dari segi kos



Carta 12 : Rizab antarabangsa meningkat lagi (pada akhir)



Carta 13 : Sistem perbankan kekal berdaya tahan dengan tahap NPL yang terkawal





- **Nisbah modal kukuh dan keuntungan sistem perbankan lebih tinggi**
- **RWCR > atau = 12.5% dan CCR > atau = 10.6% sepanjang 1Q 2002**
- **Nisbah NPL bersih stabil pada tahap 8.2%:**
  - **peningkatan dalam jumlah peruntukan khas; dan**
  - **usaha penyusunan semula**
- **Tahap perlindungan kerugian pinjaman pada tahap 59.6% daripada NPL**
- **Untung sebelum cukai dan audit untuk suku tahun pertama 2002 berjumlah RM2.4b**

Carta 14 : Perkembangan Sistem Perbankan



- **NPL dijangka menurun berikutan pelaksanaan skim penyusunan semula dan pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh**
- **CDRC telah menyelesaikan 6 kes dengan nilai pinjaman berjumlah RM3.3 bilion**
- **Sasaran penyelesaian skim penyusunan semula oleh CDRC menjelang bulan Julai 2002 berjalan lancar**

Carta 15 : Aktiviti Pembiayaan kekal tinggi ...

- Pinjaman yang belum dijelaskan bagi sistem perbankan meningkat sebanyak RM5.7 b
- Pengeluaran pinjaman juga adalah lebih tinggi dan disalurkan secara meluas
- Walau bagaimanapun, pembiayaan keseluruhan melalui pinjaman dan PDS rendah sedikit, disebabkan oleh penebusan bersih di dalam pasaran PDS

	Perubahan (RM b)	Pertumbuhan Tahunan (%)
Jumlah pembiayaan	**4.3**	**6.8**
Sistem perbankan	**4.6**	**5.8**
Pinjaman	**5.7**	**4.6**
PDS yang dipegang	**-1.1**	**36.0**
PDS	**-1.4**	**17.1**



Carta 16 : Dasar Monetari kekal akomodatif untuk menyokong pemulihan ekonomi ...

- Risk Inflasi yang rendah (April :1.9%)
- Kadar faedah kekal rendah dan stabil
- Mudah tunai yang lega untuk menyokong aktiviti pinjaman



Carta 17 : Prospek pertumbuhan masih memberansangkan



Carta 18 : Pemulihan prestasi Ekonomi Serantau

Pertumbuhan KDNK Benar (%)

	S4 2001	S1 2002	2002 r
Republik Rakyat China	6.6	7.6	7.0
Korea	3.7	5.7	5.7
Taiwan	-1.9	0.9	2.6
Singapura	-6.6	-1.7	2.0~4.0
Hong Kong	-1.6	n.a.	1.0
Indonesia	1.6	2.5	3.5~4.0
Negeri Thai	2.1	3.0 p/	2.5~3.5
Filipina	3.8	n.a.	4.0~4.5
Malaysia	-0.5	1.1	3.5

Carta 19 : Penunjuk-penunjuk luaran dan domestik yang menyokong momentum pertumbuhan



Jadual 1 : KDNK Sukuan Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga 1987

	2001					2002
	1S	2S	3S	4S	Tahun	1S
	Perubahan tahunan dalam %					
Pertanian	14.0	3.7	-3.5	-4.2	1.8	-4.9
Perlombongan	1.3	1.7	2.2	1.3	1.6	-0.8
Perkilangan	1.0	-7.6	-9.1	-8.4	-6.2	-2.1
Pembinaan	0.9	3.2	2.6	2.5	2.3	2.9
Perkhidmatan	4.7	6.2	6.0	5.8	5.7	4.6
KDNK Benar (perubahan tahunan)	**3.0**	**0.4**	**-0.9**	**-0.5**	**0.4**	**1.1**
KDNK Benar (perubahan berbanding suku sebelumnya)	**-4.4**	**1.1**	**1.8**	**1.2**	**-**	**-2.9**

Jadual 2: KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar 1987)

	2001					2002
	S1	S2	S3	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan dalam %					
Penggunaan	5.5	4.1	5.6	7.6	5.8	4.4
Sektor swasta	*3.8*	*1.7*	*2.2*	*3.3*	*2.8*	*2.5*
Sektor awam	*15.3*	*13.3*	*18.3*	*21.8*	*17.6*	*13.4*
Pembentukan Modal Tetap Kasar	8.3	0.2	-10.2	-8.1	-2.8	-8.5
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	6.4	-6.0	-16.3	-12.0	-7.5	-6.5
Import Barangan dan Perkhidmatan	7.5	-8.1	-20.1	-10.5	-8.6	-5.5
KDNK	**3.0**	**0.4**	**-0.9**	**-0.5**	**0.4**	**1.1**

Jadual 3 : Prestasi Sektor Perkhidmatan
(Nilai ditambah dalam RM juta pada Harga 1987)

	2001					2002
	1S	2S	3S	4S	Tahun	1S
	Perubahan tahunan dalam %					
Perkhidmatan pengantara	**6.3**	**10.1**	**9.8**	**8.7**	**8.7**	**6.6**
Pengangkutan, penyimpanan & komunikasi	10.0	10.8	6.8	2.9	7.5	3.2
Kewangan, insurans, hartanah & perkidmatan perniagaan	4.0	9.6	11.9	12.5	9.5	8.8
Perkhidmatan akhir	**3.7**	**3.8**	**3.7**	**3.9**	**3.8**	**3.3**
Elektrik, gas dan air	10.2	7.7	6.3	3.7	6.9	5.9
Perniagaan borong & runcit, hotel & restoran	3.5	2.8	3.2	2.8	3.0	2.1
Perkhidmatan Kerajaan	2.1	5.7	4.4	6.0	4.6	3.3
Perkhidmatan lain	2.1	2.2	2.8	4.6	2.9	4.1
Jumlah Perkhidmatan	**4.7**	**6.2**	**6.0**	**5.8**	**5.7**	**4.6**

Jadual 4 : Prestasi dalam Sektor Perkilangan

	2001					2002
	S1	S2	S3	S4	TAHUN	S1
	Perubahan tahunan (%)					
Nilai ditambah (harga malar)	**1.0**	**-7.6**	**-9.1**	**-8.4**	**-6.2**	**-2.1**
Pengeluaran Keseluruhan	**4.2**	**-7.9**	**-10.5**	**-10.9**	**-6.6**	**-3.7**
Industri berorientasikan eksport	2.0	-11.4	-15.5	-15.3	-10.4	-5.5
antaranya:						
Bukan berasaskan sumber						
* *Elektronik*	*-1.2*	*-25.3*	*-27.5*	*-23.8*	*-20.2*	-0.6
* *Barangan elektrik*	*8.6*	*3.4*	*-10.4*	*-9.4*	*-2.8*	-8.2
* *Tekstil dan pakaian*	*3.0*	*-9.7*	*-11.4*	*-14.2*	*-8.3*	-15.0
Berasaskan sumber						
* *Bahan kimia dan keluaran kimia*	*-1.6*	*-7.2*	*-8.2*	*-13.7*	*-7.7*	-9.3
* *Pemprosesan di luar estet*	*10.4*	*13.5*	*4.0*	*3.7*	*7.7*	0.6
* *Keluaran getah*	*10.8*	*4.2*	*-0.7*	*-0.3*	*3.3*	-5.1
* *Kayu dan keluaran kayu* [1/]	*12.4*	*1.3*	*-2.0*	*-5.5*	*1.2*	-15.6
Industri berorientasikan dalam negeri	12.1	4.3	7.2	4.8	7.0	2.2
antaranya:						
Bukan berasaskan sumber						
* *Kelengkapan pengangkutan*	*18.9*	*18.4*	*23.2*	*15.3*	*19.0*	17.5
* *Keluaran logam yang direka*	*10.6*	*6.4*	*4.7*	*-4.8*	*3.9*	-6.4
* *Besi dan keluli dan logam bukan ferum*	*9.6*	*-7.3*	*-2.4*	*-0.9*	*-0.7*	-8.6
Berasaskan sumber						
* *Keluaran galian bukan logam*	*15.4*	*9.7*	*6.6*	*7.6*	*9.6*	7.8
* *Keluaran petroleum*	*21.0*	*8.7*	*18.6*	*30.0*	*19.3*	3.4
Jumlah Barangan Perkilangan	**3.5**	**-9.1**	**-20.4**	**-12.4**	**-10.3**	**-4.0**
* Elektronik	-2.1	-18.5	-26.5	-16.0	-16.3	1.1
- *Separa konduktor*	*15.1*	*-15.1*	*-30.4*	*-22.8*	*-14.9*	*-13.2*
- *Komponen elektronik*	*-13.6*	*-21.0*	*-23.6*	*-10.5*	*-17.3*	*13.8*
* Barangan elektrik	9.4	6.2	-16.8	-12.6	-4.7	-13.9
* Kayu dan keluaran kayu	-0.5	-9.1	-17.7	-17.4	-11.5	-12.6
* Barangan perabot	-9.9	-16.2	-16.9	-10.5	-13.5	3.2
* Tekstil, pakaian dan kasut	-5.1	-8.3	-18.7	-19.6	-13.2	-16.8
* Peralatan optikal dan saintifik	29.9	23.4	3.2	7.2	14.3	5.6
* Bahan kimia dan keluaran kimia	21.9	-1.8	-15.9	-2.5	-0.9	-6.2
* Keluaran petroleum	39.5	-2.5	-8.3	-8.0	3.4	-35.8

[1/] *Pengeluaran barangan perabot tidak dalam data pengeluaran kayu*

Jadual 5

Sektor Perkilangan: Purata Penggunaan Kapasiti Sukuan [1/]

Industri	Purata Penggunaan Kapasiti					
	2001					2002 a
	S1	S2	S3	S4	TAHUN	S1
Jumlah	**79**	**78**	**76**	**78**	**78**	**80**
Industri berorientasikan eksport antaranya:	**80**	**78**	**74**	**77**	**77**	**79**
Elektronik	73	75	70	78	74	78
- Syarikat multinasional	*62 - 88*	*68 - 100*	*61 - 103*	*70 - 99*	*62 - 97*	*64 - 100*
- Syarikat tempatan [2/]	-	-	-	-	-	*30 - 50*
Barangan elektrik	83	80	75	82	80	82
Bahan kimia dan keluaran kimia	97	81	82	84	86	85
Tekstil dan pakaian	80	76	79	75	77	84
Industri berorientasikan pasaran tempatan antaranya:	**77**	**80**	**80**	**80**	**79**	**80**
Keluaran petroleum	79	82	85	85	83	85
Keluaran galian bukan logam	67	68	66	65	66	69
Kelengkapan pengangkutan	91	92	96	95	93	100
Makanan, minuman dan tembakau	83	84	78	82	82	74

a anggaran

Sumber : Kaji Selidik Sukuan Penggunaan Kapasiti Perkilangan

[1/] Keputusan adalah berbeza daripada Kaji Selidik Tahunan BNM (ASC) disebabkan perbezaan dalam saiz sampel. ASC mencakupi lebih banyak syarikat (240) manakala Kaji Selidik Sukuan mencakupi hanya 90 syarikat.

[2/] Syarikat elektronik tempatan hanya dimasukkan dalam Kaji Selidik Sukuan bermula tahun 2002.

Jadual 6: Prestasi Sektor Perlombongan

	2001					2002	
	S1	S2	S3	S4	Tahun	S1	
	Pertumbuhan tahunan (%)					Pertumbuhan tahunan (%)	Pertumbuhan berbanding suku sebelumnya (%)
Nilai ditambah (RM juta pada harga tahun 1987)	**1.3**	**1.7**	**2.2**	**1.3**	**1.6**	**-0.8**	**-0.5**
Pengeluaran							
Di antaranya:							
Minyak mentah dan kondensat ('000 tong)	-4.2	-2.9	-0.7	-1.8	-2.4	4.0	3.5
Gas asli (bersih) (juta kaki padu)	5.9	5.2	2.8	1.1	3.7	-10.3	-7.7
Eksport (RM juta)	**1.5**	**-3.7**	**-14.9**	**-30.6**	**-12.6**	**-20.7**	**9.3**
Di antaranya:							
Minyak mentah							
('000 tan metrik)	-1.7	-4.6	-13.4	-18.0	-9.6	-2.5	9.6
(AS$/tong)	3.7	-0.8	-16.4	-36.7	-13.7	-26.2	-1.2
(RM juta)	2.0	-5.3	-27.7	-48.1	-21.9	-28.0	8.2
Gas asli cecair							
('000 tan metrik)	-4.8	5.0	5.4	-1.9	0.4	-1.7	12.4
(RM/tan metrik)	5.7	1.1	-2.0	-8.8	-1.1	-7.6	-3.5
(RM juta)	0.6	6.2	3.3	-10.5	-0.7	-9.1	8.4

Jadual 7: Prestasi Sektor Pertanian

	2001					2002	
	S1	S2	S3	S4	Tahun	S1	
	Pertumbuhan tahunan (%)					Pertumbuhan tahunan (%)	Pertumbuhan berbanding suku sebelumnya (%)
Nilai ditambah (RM juta pada harga tahun 1987)	**14.0**	**3.7**	**-3.5**	**-4.2**	**1.8**	**-4.9**	**-10.8**
Pengeluaran [1/]							
Di antaranya:							
Minyak sawit mentah	27.6	17.2	2.4	-4.1	8.9	-8.4	-17.5
Getah	-11.7	-21.8	-6.3	-5.1	-11.1	2.0	7.0
Kayu balak	-16.3	-14.2	-16.8	-13.5	-15.3	-15.3	-16.7
Koko	-6.7	-14.6	-11.2	-37.5	-17.9	-51.5	-29.4
Eksport (RM juta)	**-16.9**	**-17.6**	**-13.3**	**-4.8**	**-13.2**	**5.3**	**-4.6**
Di antaranya:							
Minyak sawit							
('000 tan metrik)	24.4	36.8	13.5	3.0	18.1	-11.5	-14.7
(RM/tan metrik)	-34.0	-29.8	-6.3	10.8	-15.9	41.3	13.0
(RM juta)	-17.9	-4.0	6.3	14.1	-0.7	25.2	-3.6
Getah							
('000 tan metrik)	-6.5	-18.7	-21.6	-16.5	-16.0	-10.5	-2.1
(Sen/kg)	-12.0	-15.1	-10.3	-14.5	-12.7	-11.6	3.7
(RM juta)	-17.7	-31.0	-29.7	-28.6	-26.6	-21.0	1.6
Kayu balak							
('000 meter padu)	-26.9	-31.7	-24.4	-18.2	-25.5	-7.5	-23.3
(RM/meter padu)	-7.6	-17.5	-23.8	-20.4	-17.9	-10.2	7.1
(RM juta)	-32.4	-43.6	-42.4	-34.9	-38.8	-17.0	-17.9

1/ Dalam '000 tan metrik, kecuali kayu balak dalam '000 meter padu

Jadual 8 : Akaun Perdagangan

	2001					2002
	S1	**S2**	**S3**	**S4**	**Tahun**	**S1**
	Perubahan tahunan dalam %					
Eksport Kasar	1.7	-8.9	-19.2	-13.2	-10.4	-4.3
Perkilangan	*3.5*	*-9.1*	*-20.4*	*-12.4*	*-10.3*	*-4.0*
Pertanian	*-16.9*	*-17.6*	*-13.3*	*-4.8*	*-13.2*	*5.3*
Galian	*1.5*	*-3.7*	*-14.9*	*-30.6*	*-12.6*	*-20.7*
Import Kasar	7.3	-10.3	-22.5	-10.3	-9.9	-5.0
Barangan modal	*42.8*	*-5.2*	*-24.4*	*-2.6*	*-1.1*	*-15.3*
Barangan pengantara	*2.2*	*-11.9*	*-25.6*	*-14.7*	*-13.3*	*-4.9*
Barangan penggunaan	*2.7*	*1.5*	*-5.8*	*11.4*	*3.0*	*7.6*
Imbangan perdagangan (RM bn)	**13.3**	**12.4**	**15.2**	**12.8**	**53.7**	**13.3**

Source: Department of Statistics, Malaysia

Jadual 9: Imbangan Pembayaran

	2001					2002
	S1	**S2**	**S3**	**S4**	**Tahun**	**S1**
	RM juta					
Eksport Kasar (f.o.b.)	86,152	82,826	82,163	83,280	334,421	82,488
Import Kasar (c.i.f.)	72,806	70,432	66,987	70,467	280,692	69,160
Imbangan perdagangan	**13,346**	**12,394**	**15,176**	**12,813**	**53,729**	**13,328**
Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)	103,279	98,836	112,934	117,203	117,203	124,388
-Rizab Antarabangsa Bersih (AS$ juta)	27,179	26,010	29,720	30,843	30,843	32,734

Jadual 10: Hutang Luar Negeri Yang Belum Dijelaskan

	2001				2002
	1Q	2Q	3Q	4Q	1Q
	RM bilion				
Hutang Jangka Serderhana & Panjang	138.5	139.8	144.4	146.5	148.6
Hutang Jangka Pendek	17.8	18.4	20.4	23.9	26.9
Jumlah Hutang Luar Negeri	156.3	158.2	164.9	170.4	175.6
- Sebutan AS$	41.1	41.6	43.4	44.8	46.2

Jadual 11: Kewangan Kerajaan Persekutuan

	2001a					2002	2001a					2002
	S1	S2	S3	S4	Tahun	S1	S1	S2	S3	S4	Tahun	S1
	RM bilion						Perubahan tahunan dalam %					
Hasil	14.6	20.7	18.5	25.7	79.6	17.1	30.4	24.3	19.8	38.7	28.6	17.1
Perbelanjaan mengurus	11.3	13.4	14.3	24.8	63.8	14.7	44.8	4.8	-2.3	16.1	12.7	30.2
Akaun semasa	**3.3**	**7.4**	**4.2**	**1.0**	**15.8**	**2.4**						
Perbelanjaan pembangunan kasar	5.3	5.7	7.3	16.9	35.2	3.9	110.1	-0.1	10.4	29.1	26.1	-27.1
Terimaan balik pinjaman	0.4	0.1	0.2	0.3	1.0	0.2						
Imbangan keseluruhan	**-1.6**	**1.8**	**-3.0**	**-15.6**	**-18.4**	**-1.3**						
Memo item: Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	128.9	129.3	138.4	145.7		146.0						

Jadual 12: Petunjuk Monetari

	2001					2002
	S1	S2	S3	S4	Tahun	S1
	Pertumbuhan Tahunan (% pada akhir tempoh)					
M1	5.2	4.4	11.6	3.2	3.2	12.3
M2	3.6	3.0	5.0	2.2	2.2	6.1
M3	4.5	4.0	5.4	2.9	2.9	6.1
Pinjaman[1/]	5.5	6.0	5.7	3.6	3.6	4.6
Deposit	2.8	3.6	4.0	1.8	1.8	4.5
	Pada tempoh (RM bilion)					
Kelulusan	29.7	31.1	35.3	29.6	125.6	30.9
Pengeluaran	91.2	93.1	93.6	92.3	370.2	92.5
Pembayaran balik	89.3	86.2	91.8	95.1	362.3	88.4
	Pada akhir tempoh (%)					
Kadar faedah antara bank						
1 bulan	2.99	2.99	2.81	2.97	2.97	2.74
3 bulan	3.04	3.00	3.28	3.27	3.27	3.24
Deposit tetap bank perdagangan						
1 bulan	3.44	3.44	3.20	3.20	3.20	3.20
3 bulan	3.46	3.45	3.21	3.21	3.21	3.21
BLR bank perdagangan	6.79	6.79	6.39	6.39	6.39	6.39
	Purata Pertumbuhan Tahunan % bagi tempoh					
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)	1.5	1.6	1.4	1.2	1.4	1.4
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (1989=100)	-4.7	-4.7	-4.3	-6.4	-5.0	-0.9

1/ Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta.

Jadual 13: Kedudukan Kewangan Sistem Perbankan

	2001				2002
	Mac.	**Jun.**	**Sep.**	**Dis.**	**Mac.**
Modal					
Nisbah modal teras (%)	10.2	10.5	10.5	10.8	10.7
RWCR (%)	12.1	12.6	12.5	12.8	12.5
NPL bersih					
(klasifikasi 6-bulan)					
Sistem perbankan (RM juta)	7.1	8.0	8.2	8.1	8.2
Sistem perbankan (%)	27,989	32,292	32,995	32,775	33,535
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (6-bulan, %)	1.9	1.9	1.9	1.9	1.9

**Mulai Jun 1999, jadual ini mengambil kira institusi perbankan Islam*

Jadual 14: Danaharta

	2001			
	Mac.	**Jun.**	**Sep.**	**Dis.**
Jumlah Hak Milik Pinjaman yang Diambil Alih (RM juta)	48.0	48.0	48.1	47.7
- Diambil Alih	*20.4*	*20.1*	*20.1*	19.8
- Di bawah Pengurusan	*27.6*	*27.9*	*28.0*	27.9
Jumlah Hak Milik Pinjaman yang Diambil Alih (RM juta)	48.0	48.0	48.1	47.7
- *Telah Distruktur Semula / Telah Menerima Kelulusan untuk Distruktur Semula*	38.7	39.1	40.1	47.7
- Belum Distruktur Semula	9.3	8.9	8.0	**
Anggaran Nisbah Pulangan Purata (%)[1]	60	57	57	56

** Terlalu kecil

Sumber: Pengurusan Danaharta Nasional Berhad

Jadual 15: Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat

		2001				2002
		Mac.	**Jun.**	**Sep.**	**Dis.**	**Mac.**
Permohanan Diterima	No.	75	75	84	86	87
	RM (juta)	47,210	47,379	65,899	66,813	67,644
Ditolak / Ditarik balik	No.	21	21	22	23	25
	RM (juta)	7,826	7,826	9,516	10,069	10,606
Dirujuk kepada Danaharta	No.	9	9	11	11	11
	RM (juta)	1,814	1,814	2,470	2,470	2,470
Layak untuk distruktur semula	No.	45	45	51	52	51
	RM (juta)	37,570	37,739	53,913	54,274	54,568
Telah Diselesaikan	No.	35	37	31	37	43
	RM (juta)	26,771	28,531	27,264	34,489	37,771
Belum Diselesaikan	No.	10	8	20	15	8
	RM (juta)	10,799	9,208	26,649	19,785	16,797

Jadual 16: BSKL- Petunjuk Pasaran Terpilih

	Pada akhir					
	2001					2002
	S1	S2	S3	S4	Tahun	S1
Indeks Harga						
Komposit	647.48	592.99	615.34	696.09	-	756.10
EMAS	149.15	142.29	145.84	165.23	-	181.72
Papan Kedua	107.64	106.93	109.61	134.13	-	132.29
Purata Urus niaga harian						
Jumlah (juta unit)	107.3	121.5	306.8	276.4	85,012.0	304.9
Nilai (RM juta)	255.2	225.6	485.3	427.6	49,663.5	636.1
Permodalan Pasaran (RM b)	418.23	403.49	411.35	464.98	-	517.63
Bilangan Syarikat yang Disenaraikan	802	809	807	812	-	770